



Prof. Dr. Saran Kaur Gill

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)

Ruj: UKM3.2.24/244/3
Bth: 14hb Disember 2011

SEMUA AHLI AKADEMIK FAKULTI DAN INSTITUT

YBhg. Prof./Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SKIM GERAN KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP) FASA 2

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia akan melancarkan Fasa Kedua bagi Skim Geran Program Pemindahan Ilmu atau *Knowledge Transfer Programme* pada **15 Disember 2011** untuk disertai oleh IPTA melalui permohonan secara kompetitif. Geran ini dibahagikan kepada dua kelompok iaitu **Kelompok Industri** dan **Kelompok Komuniti**.

Program KTP ini bertujuan untuk mengiktiraf aktiviti kerjasama melalui pemindahan idea, hasil penyelidikan, kemahiran serta pengalaman antara universiti kepada industri dan komuniti (pihak swasta/agensi kerajaan/NGO). Pembentangan geran KTP adalah meliputi bidang-bidang tumpuan utama (*Key Result Area*) yang menyokong aspirasi negara yang telah dikenal pasti seperti berikut :

- 1) Pendidikan – meningkatkan tahap pendidikan di daerah-daerah tertentu; atau
- 2) Keuntungan ekonomi untuk sektor industri yang dikenalpasti; atau
- 3) Kelestarian dan Inisiatif Teknologi Hijau; atau
- 4) Kumpulan Kelainan Mampu atau Upaya (OKU); atau
- 5) Pembangunan kurikulum Industri yang relevan (untuk sektor berimpak tinggi).

Permohonan bagi Kelompok Industri akan diproses melalui Pengurus, Pejabat Hubungan Industri manakala Kelompok Komuniti melalui Pengurus, Pejabat Hubungan Universiti-Masyarakat. Dimaklumkan juga bahawa **Sesi “Roadshow” mengikut kluster fakulti / institut akan diadakan pada 4 dan 5 Januari 2012** (masa dan tempat akan dimaklumkan melalui e-mel dan e-Warga).

Jadual Kerja permohonan Geran KTP adalah seperti berikut:

Pengisian Borang KTP Industri dan Komuniti oleh Ketua Projek	15 Dis 2011 – 16 Jan 2012 (1 bulan)
Sesi “Roadshow” Mengikut Kluster Fakulti/ Institut	4 – 5 Januari 2012
Borang dihantar ke urus setia Geran KTP di PHI untuk penelitian dan penambahbaikan oleh Ketua Projek jika diperlukan	16 Jan 2012- 20 Jan 2012 (5 hari)

Borang di hantar ke urus setia KTP di USM oleh Pejabat TNC HEJIM	25 Jan 2012
Penilaian dan pemilihan Geran KTP oleh urus setia KTP di USM	2 Feb 2012
Pengumuman keputusan Geran KTP Fasa Kedua oleh urus setia KTP di USM	Pertengahan Mac 2012

Tempoh permohonan Geran KTP ini adalah dari **15 Disember 2011** hingga **16 Januari 2012**. Sebarang pertanyaan dan penghantaran permohonan bagi kedua-dua kelompok bolehlah dikemukakan kepada pihak urusetia di Pejabat Hubungan Industri, Kompleks Pentadbiran Kolej Keris Mas, UKM Bangi (untuk perhatian En Nur Haiqal Rawlins Una Abdullah), melalui e-mel kepada rawlins@ukm.my atau telefon di talian 03 8921 4656.

Bersama-sama ini disertakan Polisi, Garis Panduan dan Borang Permohonan Geran KTP bagi kategori Komuniti dan Industri untuk tindakan YBhg. Prof./Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan selanjutnya. Dokumen-dokumen tersebut juga boleh dimuat turun melalui e-Warga mulai 15 Disember 2011.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DR. SARAN KAUR GILL

s.k. - Semua Dekan/Pengarah Fakulti/Institut
 - Ketua Jaringan Industri dan Masyarakat Fakulti/Institut

berlampir